



MAJLIS DAERAH KAMPAR
JALAN ISKANDAR,
31900 KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221003 samada bertaraf bumiputera atau bukan bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-


BIL	TENDER KONTRAK PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PEMUNGUTAN SAMPAH DAN PENGANGKUTAN SAMPAH UNTUK MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI TEMPOH 6 BULAN DI KAWASAN : -	RUJUKAN SEBUT HARGA
1	Kawasan Zon A- 1(Kawasan Bandar Baru)	MDKpr/SH/P/32-2020

2. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli secara tunai di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Kampar mulai jam **12.00 tengahari** pada **14 Disember 2020** sehingga **21 Disember 2020** mengikut waktu pejabat. Harga senaskah dokumen ialah **RM50.00** untuk setiap zon dan perlu di bayar di kaunter bayaran Majlis Daerah Kampar. Dokumen tawaran tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.

3. Satu taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada tarikh **14 Disember 2020 jam 10.00 pagi di Dewan Auditorium, Majlis Daerah Kampar**. Kehadiran taklimat adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor **yang hadir** pada sesi taklimat tersebut sahaja. Sila bawa **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan mengikut kod bidang** yang dinyatakan dan **salinan fotostat semasa pendaftaran taklimat dan pembelian dokumen sebutharga**.

4. Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang berlakri / bermeterai**. Nombor rujukan tawaran hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat serta dialamatkan kepada **Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 21 Disember 2020**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.

5. Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.


Setiausaha,
Majlis Daerah Kampar,
Jalan Iskandar,
31900 Kampar,
PERAK DARUL RIDZUAN